

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF  
[ RANTAU PANJANG ]**

**TARIKH : 18 JUN 2014**

**SOALAN :**

**YB Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff [ Rantau Panjang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan Kerajaan terhadap Laporan Ketua Audit Negara untuk memastikan ketirisan dan kebocoran kewangan negara tidak terus berlaku dan dapat dimanfaatkan sepenuhnya kepada rakyat dan pembangunan negara.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan amat memandang serius teguran dalam Laporan Ketua Audit Negara yang diterbitkan pada setiap tahun. Namun begitu, andaian berlakunya ketirisan dan kebocoran adalah tidak tepat. Ini kerana kebanyakan penemuan audit adalah melibatkan aspek pengurusan kontrak, pengurusan bekalan, pengurusan hasil, penyelenggaraan aset, ketidakpatuhan kepada peraturan kewangan dan kekurangan pemantauan. Sebagai contoh dalam isu pembinaan Politeknik Banting yang berharga RM186.88 juta, dimana telah menerima teguran audit berkaitan dengan kelewatan pembayaran kepada kontraktor, arahan perubahan kerja dan kualiti kerja yang kurang memuaskan. Walau bagaimanapun, projek tersebut dapat disiapkan dan digunapakai. Ini jelas menggambarkan bahawa teguran audit merujuk kepada kegagalan mencapai tahap kualiti yang telah ditetapkan dan kelewatan dalam pembayaran. Teguran tersebut tidak melibatkan ketirisan kewangan dan nilai kontrak. Oleh yang demikian ketirisan kewangan sebanyak yang didakwa bagi kesemua laporan audit adalah tidak tepat.

Tuan Yang di-Pertua,

Walaupun begitu, kerajaan amat memandang berat segala teguran audit samada melibatkan kerja atau kewangan. Oleh yang

demikian, kerajaan telah dan akan mengambil tindakan-tindakan seperti berikut:

- (i) menubuhkan Jawatankuasa Siasatan bagi menyiasat teguran melibatkan penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, salah laku atau kecuaiannya pelaksanaan tugas;
- (ii) mengambil tindakan tatatertib, surcaj atau pertuduhan jenayah di mahkamah ke atas pegawai didapati melakukan salah laku atau kecuaiannya;
- (iii) memaklumkan status tindakan susulan Laporan Ketua Audit Negara secara berkala kepada Ketua-ketua Jabatan melalui Mesyuarat Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua Perkhidmatan dan Mesyuarat Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Dengan Ketua Setiausaha dan Setiausaha Kerajaan Negeri;
- (iv) memaparkan status tindakan susulan Laporan Ketua Audit Negara dalam laman web Jabatan Perkhidmatan Awam; dan
- (v) mengadakan sesi *townhall* bersama Ketua Setiausaha Negara (KSN) dan Ketua Setiausaha Kementerian Mengenai Tindakan Susulan Laporan Ketua Audit Negara 2012 dan Laporan Ketua Audit Negara 2013 (Siri 1 dan Siri 2).

Sekian. Terima kasih.